



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. Mahathir lihat bahan2 komponen

■ PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) melihat bahan-bahan komponen yang dikeluarkan oleh Pusat Teknologi Perindustrian Logam (MITEC) selepas beliau merasmikan pusat itu di Shah Alam, semalam.

Turut mengiringi beliau dalam lawatan hampir dua jam itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui (tengah) dan Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz (kanan).

Pusat itu ditubuhkan dengan usahasama teknikal dengan kerajaan Jepun.

Orang ramai boleh menyaksikan kerja-kerja kimpalan, acuan dan sadur elektrik di makmal pusat itu hari ini.

Hari terbuka MIDEK dimulakan semalam dan berakhir hari ini. — Gambar Berita Harian oleh KHALID REDZA.